



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64
No. 3

30hb Januari 2020

*TAMBAHAN No. 13
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 28.

AKTA UBAT (IKLAN DAN PENJUALAN) 1956

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA IKLAN UBAT (PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 [Akta 290], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Iklan Ubat (Pindaan) 2020**.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Lembaga Iklan Ubat 1976 [P.U. (A) 283/1976], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2 dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

"(1) Lembaga Iklan Ubat (kemudian daripada ini disebut "Lembaga") ditubuhkan dan hendaklah terdiri daripada—

(a) anggota *ex officio* seperti yang berikut:

- (i) Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia;
- (ii) Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan;

-
- (iii) Pengarah Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan;
 - (iv) Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Kementerian Kesihatan;
 - (v) Setiausaha Persatuan Perubatan Malaysia;
 - (vi) Setiausaha Persatuan Hospital Swasta Malaysia;
 - (vii) Setiausaha Persekutuan Persatuan Doktor Perubatan Swasta, Malaysia; dan
- (b) anggota yang dilantik oleh Menteri seperti yang berikut:
- (i) seorang doktor pakar perubatan dalam perkhidmatan awam;
 - (ii) seorang ahli farmakologi;
 - (iii) tiga orang ahli farmasi berdaftar dalam perkhidmatan awam;
 - (iv) dua orang ahli farmasi berdaftar bukan dalam perkhidmatan awam; dan
 - (v) seorang pegawai daripada Kementerian Komunikasi dan Multimedia.”.

Pindaan peraturan 7

3. Peraturan 7 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “nombor satu” perkataan “, dan hendaklah diberikan tarikh tamat tempoh”;
- (b) dalam subperaturan (2), dengan memasukkan selepas perkataan “Nombor siri kelulusan” perkataan “dan tarikh tamat tempoh”; dan
- (c) dalam subperaturan (3), dengan memasukkan selepas perkataan “nombor siri kelulusan” perkataan “dan tarikh tamat tempoh”.

Dibuat 17 Januari 2020

[KKM.R.600-1/1/57; PN(PU)172/IX]

DATUK SERI DR. DZULKEFLY BIN AHMAD
Menteri Kesihatan

MEDICINES (ADVERTISEMENT AND SALE) ACT 1956

MEDICINE ADVERTISEMENTS BOARD (AMENDMENT) REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by section 7 of the Medicines (Advertisement and Sale) Act 1956 [Act 290], the Minister makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Medicine Advertisements Board (Amendment) Regulations 2020**.

Amendment of regulation 2

2. The Medicine Advertisements Board Regulations 1976 [*P.U. (A) 283/1976*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 2 by substituting for subregulation (1) the following subregulation:

“(1) The Medicine Advertisements Board (“hereinafter referred to as the Board”) is established and shall consist of—

(a) *ex officio* members as follows:

- (i) the Director General of Health, Malaysia;
- (ii) the Senior Director of Pharmaceutical Services, Ministry of Health;
- (iii) the Director of Medical Practise Division, Ministry of Health;
- (iv) the Director of Pharmacy Enforcement Division, Ministry of Health;
- (v) the Secretary of Malaysian Medical Association;
- (vi) the Secretary of Association of Private Hospital of Malaysia;
- (vii) the Secretary of Federation of Private Medical Practitioners Associations, Malaysia; and

(b) members appointed by the Minister as follows:

- (i) one physician in the public service;
- (ii) one pharmacologist;
- (iii) three registered pharmacists in the public service;
- (iv) two registered pharmacists not in the public service; and
- (v) one officer from the Ministry of Communications and Multimedia.”.

Amendment of regulation 7

3. Regulation 7 of the principal Regulations is amended—

- (a) in subregulation (1), by inserting after the words “number one” the words “, and shall be given an expiry date”;
- (b) in subregulation (2), by inserting after the words “The approval serial number” the words “and expiry date”; and
- (c) in subregulation (3), by inserting after the words “approval serial number” the words “and expiry date”.

Made 17 January 2020

[KKM.R.600-1/1/57; PN(PU2)172/IX]

DATUK SERI DR. DZULKEFLY BIN AHMAD
Minister of Health

P.U. (A) 29.**AKTA DUTI HIBURAN 1953****PERINTAH DUTI HIBURAN (PENGECUALIAN) 2020**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(a) Akta Duti Hiburan 1953 [*Akta 103*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Hiburan (Pengecualian) 2020**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2019.

Pengecualian

2. (1) Tiket masuk bagi semua acara perlumbaan kenderaan bermotor dan motosikal yang bertaraf antarabangsa yang diadakan dalam tempoh dari 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2020 dikecualikan daripada duti hiburan.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), ungkapan “acara perlumbaan kenderaan bermotor dan motosikal yang bertaraf antarabangsa” terpakai hanya bagi apa-apa aktiviti perlumbaan kereta dan motosikal yang telah mendapat pengiktirafan daripada Federation Internationale de l’Automobile (FIA) dan Federation Internationale de Motocyclisme (FIM), mengikut mana-mana yang berkenaan.

Dibuat 16 Januari 2020

[Perb.(8.09)248/39/2-1 Vol.11(SK.27); PN(PU2)174/XI]

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

ENTERTAINMENTS DUTY ACT 1953

ENTERTAINMENTS DUTY (EXEMPTION) ORDER 2020

IN exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(a) of the Entertainments Duty Act 1953 [*Act 103*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Entertainments Duty (Exemption) Order 2020**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 1 January 2019.

Exemption

2. (1) The admission ticket for all motor vehicle and motorcycle racing events of international standards which are held within the period from 1 January 2019 until 31 December 2020 is exempted from entertainments duty.

(2) For the purpose of subparagraph (1), the term “motor vehicle and motorcycle racing events of international standards” applies only to any car and motorcycle racing activities which have obtained recognition from the Federation Internationale de l’Automobile (FIA) and Federation Internationale de Motocyclisme (FIM), as the case maybe.

Made 16 January 2020

[Perb.(8.09)248/39/2-1 Vol.11(SK.27); PN(PU2)174/XI]

LIM GUAN ENG
Minister of Finance

P.U. (A) 30.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH (PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECEUALIAN) (No. 9) 2019)
(PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah (**Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 9) 2019) (Pindaan) 2020**.

Pindaan perenggan 1

2. Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 9) 2019 [P.U. (A) 226/2019] yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam subperenggan 1(2) dengan menggantikan perkataan “tahun taksiran 2020” dengan perkataan “tahun taksiran 2024”.

Pindaan perenggan 2

3. Subperenggan 2(1) Perintah ibu dipinda—

(a) dalam subsubperenggan (b), dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “residing” dengan perkataan “resident”; dan

(b) dalam subsubperenggan (g), dengan menggantikan perkataan “31 Disember 2020” dengan perkataan “31 Disember 2024”.

Pindaan perenggan 3

4. Perenggan 3 Perintah ibu dipinda—

(a) dalam subperenggan (4), dengan menggantikan perkataan “31 Disember 2019” dengan perkataan “31 Disember 2023”; dan

(b) dalam subperenggan (7), dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “is residing” dengan perkataan “resident”.

Dibuat 16 Januari 2020

[Perb. CR(8.20)116/1-138(2018)(SJ. 5); LHDN.AY.A.600-12/117)(29)-21; PN(PU2)80/XCVII]

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

(INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 9) ORDER 2019) (AMENDMENT) ORDER 2020

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **(Income Tax (Exemption) (No. 9) Order 2019) (Amendment) Order 2020**.

Amendment of paragraph 1

2. The Income Tax (Exemption) (No. 9) Order 2019 [*P.U. (A) 226/2019*], which is referred to as the “principal Order” in this Order, is amended in subparagraph 1(2) by substituting for the words “year of assessment 2020” the words “year of assessment 2024”.

Amendment of paragraph 2

3. Subparagraph 2(1) of the principal Order is amended—

(a) in subparagraph (b), in the English language text, by substituting for the word “residing” the word “resident”; and

(b) in subparagraph (g), by substituting for the words “31 December 2020” the words “31 December 2024”.

Amendment of paragraph 3

4. Paragraph 3 of the principal Order is amended—

(a) in subparagraph (4), by substituting for the words “31 December 2019” the words “31 December 2023”; and

(b) in subparagraph (7), in the English language text, by substituting for the words “is residing” the word “resident”.

Made 16 January 2020

[Perb. CR(8.20)116/1-138(2018)(SJ. 5); LHDN.AY.A.600-12/117)(29)-21;
PN(PU2)80/XCVII]

LIM GUAN ENG
Minister of Finance

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the
Income Tax Act 1967]*

P.U. (A) 31.**AKTA KOPERASI 1993****PERINTAH KOPERASI (PENGAMBILALIHAN KAWALAN KOPERASI DESA LESTARI
KAMPUNG SETERPA KOTA BHARU BERHAD) (PELANTIKAN SEMULA) 2020**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 69(2)(a) dan subseksyen 69A(2) Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*], Suruhanjaya membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Koperasi (Pengambilalihan Kawalan Koperasi Desa Lestari Kampung Seterpa Kota Bharu Berhad) (Pelantikan Semula) 2020**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 30 Jun 2019.

Pelantikan semula bagi pengambilalihan kawalan

2. Suruhanjaya telah melantik semula Zainudin bin Mohamed untuk mengambil alih kawalan semua harta, urusan, aktiviti dan hal ehwal Koperasi Desa Lestari Kampung Seterpa Kota Bharu Berhad dan menjalankan kesemua urusan, aktiviti dan hal ehwalnya bagi tempoh mulai 30 Jun 2019 hingga 19 Julai 2019.

Kos dan perbelanjaan

3. Apa-apa kos dan perbelanjaan yang dilakukan oleh Suruhanjaya, dan saraan bagi orang yang dilantik di bawah perenggan 2, berhubung dengan pengambilalihan kawalan di bawah perenggan 2 hendaklah kena dibayar daripada dana dan harta Koperasi Desa Lestari Kampung Seterpa Kota Bharu Berhad sebagai suatu caj pertama.

Dibuat 28 Januari 2020

[SKM.IP(SULIT)(KP): 2974B/1/3; PN(PU2)527/XIX]

DATUK NORDIN BIN SALLEH
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

CO-OPERATIVE SOCIETIES ACT 1993

CO-OPERATIVE SOCIETIES (ASSUMPTION OF CONTROL OF KOPERASI DESA LESTARI
KAMPUNG SETERPA KOTA BHARU BERHAD) (REAPPOINTMENT) ORDER 2020

In exercise of the powers conferred by paragraph 69(2)(a) and subsection 69A(2) of the Co-operative Societies Act 1993 [Act 502], the Commission makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Co-operative Societies (Assumption of Control of Koperasi Desa Lestari Kampung Seterpa Kota Bharu Berhad) (Reappointment) Order 2020**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 30 June 2019.

Reappointment of assumption of control

2. The Commission has reappointed Zainudin bin Mohamed to assume control of the whole of the property, business, activities and affairs of the Koperasi Desa Lestari Kampung Seterpa Kota Bharu Berhad and carry on the whole of its business, activities and affairs for the period from 30 June 2019 until 19 July 2019.

Cost and expenses

3. Any costs and expenses incurred by the Commission, and the remuneration of the person appointed under paragraph 2, in relation to the assumption of control under paragraph 2 shall be payable out of the funds and properties of the Koperasi Desa Lestari Kampung Seterpa Kota Bharu Berhad as a first charge.

Made 28 January 2020

[SKM.IP(SULIT)(KP): 2974B/1/3; PN(PU2)527/XIX]

DATUK NORDIN BIN SALLEH
Executive Chairman
Malaysia Co-operative Society Commission

P.U. (A) 32.**AKTA KEBAJIKAN HAIWAN 2015****PERATURAN-PERATURAN KEBAJIKAN HAIWAN (PEMBANTU SUKARELA
KEBAJIKAN HAIWAN) 2020**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 62(2)(m) Akta Kebajikan Haiwan 2015 [*Akta 772*], Menteri, selepas berunding dengan Lembaga, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kebajikan Haiwan (Pembantu Sukarela Kebajikan Haiwan) 2020**.

Kelayakan pembantu sukarela kebajikan haiwan

2. Mana-mana orang yang—

(a) berumur lapan belas tahun dan ke atas;

(b) merupakan warganegara Malaysia; dan

(c) merupakan anggota mana-mana pertubuhan bagi kebajikan haiwan yang berdaftar di bawah seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 335*] dan diperaku oleh pertubuhan itu—

(i) bahawa dia berkelakuan baik; dan

(ii) bahawa dia mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu tahun dalam pengendalian haiwan,

boleh memohon kepada Lembaga untuk dilantik sebagai pembantu sukarela kebajikan haiwan.

Kad pelantikan pembantu sukarela kebajikan haiwan

3. Lembaga hendaklah mengeluarkan kad pelantikan kepada pembantu sukarela kebajikan haiwan yang dilantik.

Tugas pembantu sukarela kebajikan haiwan

4. (1) Pembantu sukarela kebajikan haiwan hendaklah membantu pegawai kebajikan haiwan untuk menjalankan tugas yang berikut:

(a) menyediakan latihan, promosi dan program kesedaran kepada pihak yang berkepentingan dan orang awam;

- (b) menjalankan apa-apa program kerajaan yang berhubungan dengan kebajikan haiwan; dan
- (c) menyampaikan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan aktiviti yang melibatkan haiwan kepada orang awam.

(2) Pembantu sukarela kebajikan haiwan hendaklah bertindak di bawah kawalan dan arahan pegawai kebajikan haiwan dan hendaklah mempamerkan kad pelantikannya semasa menjalankan tugas.

Dibuat 28 Januari 2020
[KP/LA/483/22(9); PN(PU2)746]

DATUK SERI SALAHUDDIN BIN AYUB
Menteri Pertanian dan Asas Tani

ANIMAL WELFARE ACT 2015

ANIMAL WELFARE (VOLUNTARY ANIMAL WELFARE ASSISTANT) REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by paragraph 62(2)(m) of the Animal Welfare Act 2015 [*Act 772*], the Minister, after consulting the Board, makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Animal Welfare (Voluntary Animal Welfare Assistant) Regulations 2020**.

Qualifications of voluntary animal welfare assistant

2. Any person who—
 - (a) is eighteen years of age and above;
 - (b) is a citizen of Malaysia; and
 - (c) is a member of any society for animal welfare registered under section 7 of the Societies Act 1960 [*Act 335*] and is certified by the society—
 - (i) that he is of good behaviour; and
 - (ii) that he has experience of at least one year in the handling of animals,

may apply to the Board to be appointed as a voluntary animal welfare assistant.

Appointment card of voluntary animal welfare assistant

3. The Board shall issue an appointment card to the voluntary animal welfare assistant appointed.

Duties of voluntary animal welfare assistant

4. (1) A voluntary animal welfare assistant shall assist the animal welfare officer to carry out the following duties:

- (a) provide training, promotion and awareness programme to the stakeholders and public;
- (b) carry out any government programme relating to animal welfare; and
- (c) convey any information relating to activities involving animals to the public.

(2) A voluntary animal welfare assistant shall act under the control and direction of an animal welfare officer and shall display his appointment card while carrying out his duties.

Made 28 January 2020
[KP/LA/483/22(9); PN(PU2)746]

DATUK SERI SALAHUDDIN BIN AYUB
Minister of Agriculture and Agro-Based Industry

P.U. (A) 33.**AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959****PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (SARAWAK) (PINDAAN) 2020**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [*Akta 376*], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Sarawak, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Sarawak) (Pindaan) 2020**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 31 Januari 2020.

Pindaan Jadual Pertama

2. Perintah Jalan Persekutuan (Sarawak) 1996 [*P.U. (A) 551/1996*] yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam Jadual Pertama di bawah kepala “LEBUH RAYA PAN BORNEO” dengan memasukkan selepas butiran (*ja*) dengan butiran yang berikut:


“(jb) (Laluan 1): Jalan Nyabau-Simpang Jalan Bakun

Bermula dari Jalan Nyabau di koordinat U 3.196000, T 113.100000 dan berakhir di simpang Jalan Bakun di koordinat U 3.361000, T 113.414000 di dalam sempadan hak lalu-lalang sebagaimana yang ditunjukkan dalam PETA JALAN NYABAU-SIMPANG JALAN BAKUN (jarak sepanjang 42.273 km).”.

Pindaan Jadual Ketiga

3. Perintah ibu dipinda dalam Jadual Ketiga dengan memasukkan selepas PETA JALAN TELOK MELANO-BULATAN SEMATAN peta yang berikut:

“PETA JALAN NYABAU-SIMPANG JALAN BAKUN



Dibuat 29 Januari 2020
[KKR.PUU.110-1/6/19; PN(PU2)391/XXXVIII]

BARU BIAN
Menteri Kerja Raya

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut seksyen 4 Akta Jalan Persekutuan 1959]

FEDERAL ROADS ACT 1959

FEDERAL ROADS (SARAWAK) (AMENDMENT) ORDER 2020

IN exercise of the powers conferred by section 3 of the Federal Roads Act 1959 [*Act 376*], the Minister, after consultation with the State Government of Sarawak, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Federal Roads (Sarawak) (Amendment) Order 2020**.

(2) This Order comes into operation on 31 January 2020.

Amendment of First Schedule

2. The Federal Roads (Sarawak) Order 1996 [*P.U. (A) 551/1996*] which is referred to as the “principal Order” in this Order, is amended in the First Schedule under the heading “PAN BORNEO HIGHWAY” by inserting after item (*ja*) the following item:


“(jb) (*Route 1*): *Nyabau Road–Bakun Road Intersection*

Starting from Nyabau Road at coordinates N 3.196000, E 113.100000 and ending at Bakun Road intersection at coordinates N 3.361000, E 113.414000 within the boundaries of right of way as shown on MAP OF NYABAU ROAD-BAKUN ROAD INTERSECTION (a distance of 42.273 km).”.

Amendment of Third Schedule

3. The principal Order is amended in the Third Schedule by inserting after MAP OF TELOK MELANO-SEMATAN ROUNDABOUT ROAD the following map:

"MAP OF NYABAU ROAD-BAKUN ROAD INTERSECTION



Made 29 January 2020
[KKR.PUU. 110-1/6/19; PN(PU2)391/XXXVIII]

BARU BIAN
Minister of Works

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to section 4 of the Federal Roads Act 1959]

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA
WJW014701 30-01-2020